

■ 73 pelajar usaha tanaman jagung manis, labu dan tembikai batu

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my
Kuala Terengganu

P ermintaan tinggi terhadap jagung manis, labu dan tembikai batu mendorong pelajar tahun satu hingga tiga yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mengusahakan tanaman itu.

Ketua Jabatan Agropolis UniSZA Prof Dr Abdul Jamil Zakaria berkata, tiga jenis tanaman itu ditanam di ladang UniSZA yang berkeluasan empat ekar di Pasir Akar, Besut.

“Seramai 73 pelajar mengusahakan tanaman itu. Sebanyak 7,100 pokok jagung mula dipetik pada 12 Disember ini manakala 600 pokok labu mengeluarkan hasil dan dipetik sejak 27 November lalu.

“Tembikai yang ditanam sebanyak 600 pokok pula akan dipetik dan dijual kepada pemborong pada 19 Di-



PELAJAR Jurusan Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian menyusun labu untuk dipasarkan.

Belum petik sudah diborong

semer ini,” katanya, semalam.

Jamil berkata, biarpun jagung dan tembikai belum dipetik, sudah ada pihak berminat membeli dan menjadi

pemborong hasil tanaman itu.

“Sambutan terhadap labu juga di luar jangkaan. Selain meraih pendapatan hasil jualan tanaman itu, pelajar

dapat mempertingkatkan kemahiran dan teknik serta penjagaan tanaman,” katanya.

Menurutnya, pihaknya menggunakan baja tinja

ayam dan tinja kambing untuk tanaman.

“Kami juga menggunakan semburan biotungus sebagai teknik mengawal ta-

nah dan Effective Microorganism (EM) bagi memastikan hasil dan kualiti tanaman adalah organik tanpa bahan kimia,” katanya.

FAKTA
Sebanyak 7,100 pokok jagung mula dipetik pada 12 Disember ini